




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 391 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 30,288 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan iaitu masing-masing satu (1) di Daerah Kota Kinabalu dan Tawau. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 263 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 27,309 orang. Sejumlah 1,932 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 621 orang di hospital dan 1,311 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 67 orang dan 22 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau bertukar dari zon jingga ke zon merah. Manakala Kota Marudu dan Sipitang berubah dari zon kuning ke zon hijau.

- 4 Pada hari ini, Terdapat dua (2) kluster baharu direkodkan iaitu:
 - i. Kluster Jalan Domis di Daerah Penampang sebanyak dua (2) kes hari ini dengan kumulatif 12 kes. Kluster ini berkaitan dengan majlis penghormatan terakhir dan pengebumian; dan
 - ii. Kluster Batu Tiga di Daerah Tawau sebanyak satu (1) kes hari ini menjadikan kumulatif 28 kes. Kluster ini berkaitan dengan kontak rapat rakan sekerja di sebuah kilang memproses makanan laut.
- 5 Daripada 391 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 189 kes (48.34%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 15 daerah, 104 kes (26.60%) daripada saringan kluster baharu dan sedia ada, saringan bergejala 35 kes (8.95%), saringan komuniti 40 kes (10.23%) dan 23 kes (5.88%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,026 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,777 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,803 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 28.4%.

B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PEGERAKAN BERSYARAT (PKPB) SELURUH NEGERI SABAH

- 1 Seperti mana yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri PKPB di seluruh Negeri Sabah dilanjutkan sehingga 20 Disember 2020 dengan memberikan beberapa kelonggaran terhadap aktiviti ekonomi dan sekatan perjalanan.
- 2 Perincian kelonggaran akan dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **273,235** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 41,080 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 81 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 23 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 41 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) premis di dua (2) buah daerah iaitu Semporna dan Keningau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 38 lokasi di lima (5) daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

E. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 35 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 160 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 98%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Kunak	98.5%
7	Beaufort	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Lahad Datu	97%
19	Ranau	96%

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putus rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
5 Disember 2020**